

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS]

SOALAN

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah status dan perancangan berkaitan penyambungan perkhidmatan pembedungan khususnya di kawasan luar bandar

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan liputan perkhidmatan pembedungan yang berkualiti kepada rakyat. Ini dapat dilihat daripada peruntukan besar berjumlah RM5.66 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), RM9.67 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dan RM15.10 bilion yang akan dipohon di bawah Rancangan Malaysia Keduabelas (RMKe-12) bagi membangunkan infrastruktur perkhidmatan pembedungan di seluruh negara sama ada secara pinjaman ataupun geran.

2. Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melalui Jabatan Perkhidmatan Pembedungan (JPP) terlibat secara langsung dalam pelaksanaan projek-projek pembedungan di bandar-bandar utama dan ibu negeri bagi meningkatkan liputan perkhidmatan pembedungan. Sehingga Jun 2020, sebanyak 6 buah loji rawatan kumbahan berpusat telah siap dibina dengan rangkaian paip pembedungan sepanjang 57.51 kilometer manakala

sebanyak 16 buah loji rawatan kumbahan berpusat dengan rangkaian paip pembedungan sepanjang 496.43 kilometer masih di dalam proses pembinaan.

3. Pembinaan loji rawatan kumbahan serta rangkaian paip pembedungan oleh Kerajaan tidak akan dapat memenuhi tujuannya apabila premis-premis di sesuatu kawasan itu tidak disambungkan ke sistem pembedungan awam yang telah disediakan. Selaras dengan seksyen 57 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655), penghuni atau pemilik sesuatu premis itu hendaklah memastikan premis tersebut disambungkan ke mana-mana pembedung awam atau sistem pembedungan awam yang terletak di dalam lingkungan tiga puluh (30) meter dari sempadan premis itu. Bagi sesuatu pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak pemaju, sesuatu pemaju tersebut hendaklah memastikan pembangunan yang dilaksanakan itu disambungkan juga ke mana-mana pembedung awam atau sistem pembedungan awam selaras dengan seksyen 58 Akta 655.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Pada masa ini, KASA melalui JPP hanya melaksanakan projek-projek pembedungan di kawasan bandar-bandar utama dan ibu negeri sahaja. Untuk makluman, kos pembangunan (*Capital Expenditure – CAPEX*) dan kos operasi (*Operational Expenditure – OPEX*) bagi sesebuah loji rawatan kumbahan adalah tinggi terutamanya di kawasan luar bandar. Sehubungan itu, bagi mengatasi masalah pembedungan di kawasan luar bandar, KASA dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan sedang meneroka dan mengkaji sistem rawatan kumbahan alternatif seperti *constructed wetland* dengan kos CAPEX dan OPEX yang lebih rendah serta mesra alam.

5. Kebanyakan sistem rawatan kumbahan yang terdapat di kawasan luar bandar pada masa ini terdiri daripada Tangki Septik Individu (*Individual Septic Tank – IST*) dan juga Tangki Septik Komunal (*Communal Septic Tank – CST*). Tujuan utama sesuatu sistem pembedungan itu dibina dan disediakan adalah untuk memastikan sisa kumbahan tidak dilepaskan terus ke sumber air seperti sungai seterusnya menyebabkan pencemaran alam sekitar. Sehubungan itu, tangki-tangki septik ini hendaklah diselenggara dengan baik oleh pemilik atau penghuni di sesuatu premis itu.

6. Mengikut Akta 655, IST perlu dikosongkan secara berkala di mana amalan terbaik (*the best practice*) adalah dua tahun sekali. IST yang tidak dikosongkan mengikut jadual adalah antara punca sungai-sungai tercemar. Oleh itu, pemilik atau penghuni premis IST perlu memberi kerjasama untuk memastikan IWK dapat memberikan khidmat pengosongan IST mengikut amalan terbaik iaitu melakukan pengosongan tangki sekurang-kurangnya dua tahun sekali.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Difahamkan pada masa ini, inisiatif Program Bekalan Air Bersih dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS) di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga ada menyediakan kemudahan-kemudahan sanitasi bagi kawasan luar bandar dan pedalaman seperti tandas curah bagi memastikan sistem sanitasi di kawasan-kawasan ini terjamin seterusnya dapat mempertingkatkan kebersihan alam sekeliling. KASA berbesar hati untuk bekerjasama dan menawarkan kepakaran dalam perancangan sistem pembedungan dengan agensi Kerajaan lain seperti KKM, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan selainnya bagi memastikan perkhidmatan pembedungan yang berkualiti dapat disampaikan kepada semua penduduk sama ada di bandar mahupun di kawasan luar bandar seterusnya menjamin kelestarian alam sekitar.

Sekian, terima kasih.